



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

OPERASI BERSEPADU KHAS PENGUATKUASAAN AKTA 446 (PINDAAN DI BAWAH ORDINAN DARURAT)

1. Operasi Bersepadu Khas pada hari ini telah diketuai oleh Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan yang turut disertai oleh YBhg. Dato' Jamil bin Rakon, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan beberapa ketua Jabatan di bawah KSM. Operasi ini dijalankan di kawasan perindustrian Kampung Melayu, Sungai Buloh yang melibatkan majikan dalam sektor berorientasikan pengedaran makanan dan minuman, pergudangan pembungkusan dan pembuatan besi. Pemeriksaan secara menyeluruh dilaksanakan merangkumi aspek penginapan dan juga kemudahan lain yang disediakan oleh majikan.
2. Operasi ini adalah sebagai langkah berterusan Penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] yang baru sahaja melalui pindaan di bawah Ordinan Darurat.
3. Operasi kali ini juga turut memperlihatkan kerjasama dan komitmen tinggi agensi dan Jabatan di bawah KSM serta Kementerian lain. Antara yang turut terlibat selain Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor adalah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dan juga Pejabat Kesihatan Daerah.
4. Ketika operasi berlangsung didapati majikan hanya belum ada Perakuan Penginapan dan belum membuat sebarang permohonan untuk mendapatkan perakuan tersebut. Ini merupakan satu kesalahan di bawah Akta 446 yang boleh dikenakan tindakan.

5. Sebarang kesalahan yang dikesan dalam operasi pada hari ini akan menyebabkan majikan berdepan tindakan undang-undang yang tegas termasuklah denda sehingga RM200,000 atau penjara sehingga 3 tahun atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan di bawah Akta 446. Tindakan tegas ini juga adalah perlu bagi memastikan usaha Kerajaan membendung penularan pandemik COVID-19 dapat dijayakan selain memastikan pematuhan kepada Akta yang sedang dikuatkuasakan.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
19 FEBRUARI 2021**